



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“CUTI SEKOLAH: MANFAATKANNYA DENGAN PENGISIAN BERFAEDAH”

24 Februari 2023 / 3 Syaaban 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Bersempena cuti panjang sekolah, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk;

“CUTI SEKOLAH: MANFAATKANNYA DENGAN PENGISIAN BERFAEDAH”

Firman Allah SWT dalam potongan ayat 37 surah Ali Imran:

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا

Bermaksud: Maka dia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan baik. Dan dibesarkannya dengan didikan yang baik serta diserahkannya kepada Zakariya untuk dipelihara.

Telah seminggu berlalunya cuti penggal akhir persekolahan yang akan berakhir pada 19 Mac 2023. Tempoh cuti selama satu bulan tidak ke sekolah, ialah tempoh masa yang lama. Anak-anak yang pada kebiasaannya, berada di bilik darjah di bawah pengawasan guru, serta diberikan pelbagai kerja sekolah dan kerja rumah,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



tiba-tiba berada bersendirian, memiliki masa lapang yang banyak. Anak-anak yang kedua orang ibu bapa atau penjaganya bekerja, akan tinggal bersendirian, atau sesama adik beradik, paling tinggi diawasi oleh kakak atau abang yang sedikit lebih tua, atau pembantu rumah. Dalam keadaan demikian, anak-anak akan terdedah kepada pelbagai pengaruh dan juga menghadapi pelbagai risiko, iaitu pelbagai ancaman dan bahaya.

Oleh itu ibu bapa atau penjaga, hendaklah memikirkan dan merancang kegiatan-kegiatan yang berfaedah untuk mengisi masa anak-anak ketika melalui cuti yang panjang. Sepanjang musim cuti sekolah, masa lapang anak-anak sebaiknya diisi dengan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang berupaya membina minda, membina jasmani dan membina sahsiah yang sihat, dalam masa anak-anak mengecap kegembiraan dan nikmat bercuti.

Ayat 37 surah Ali Imran yang khatib baca pada awal khutbah, menceritakan perihal Maryam yang dibesarkan dengan didikan dan asuhan ibu bapanya, kemudiannya dipelihara oleh Nabi Zakariya AS. Natiujahnya, Maryam menjadi seorang perempuan yang taat kepada Tuhannya serta bijak lagi berakhlak mulia. Daripada Maryam pula lahirnya seorang anak yang merupakan antara sebaik-baik manusia, iaitu Nabi Isa AS, yang diangkat sebagai Rasul. Begitulah kaedah pendidikan yang dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa yang soleh.

Anak-anak tidak meminta untuk dilahirkan ke dunia. Anak-anak ialah anugerah Ilahi, melalui hubungan kasih sayang ibu dan bapa. Mendidik anak-anak ialah amanah yang wajib disempurnakan oleh ibu bapa. Jangan menyandarkan sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak kepada guru di sekolah atau pengasuh di rumah. Anak-anak lebih perlu mendapat sentuhan asuhan dan bimbingan ibu bapa, terutama dalam urusan membina kekuatan iman, kekuatan rohani, kekuatan emosi, dan kekuatan jasmani. Watak dan keperibadian anak-anak amat dipengaruhi oleh contoh teladan dan hubungan yang terjalin antara ibu bapa dengan anak-anak, bermula dari saat mereka dilahirkan sebagaimana sabda Baginda SAW:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسَانِهِ



Bermaksud: Tidaklah setiap anak itu kecuali dilahirkan dalam keadaan suci (fitriah), maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Anak-anak perlu difahamkan, cuti sekolah tidak bermakna mereka berhenti budaya belajar dan memisahkan diri dengan dunia ilmu. Anak-anak perlu dibimbing untuk terus berminat kepada alam pengetahuan. Alam pengetahuan itu lebih luas daripada bilik darjah di sekolah. Cuti sekolah jangan menjadi permulaan untuk anak-anak mengamalkan budaya tidak sihat, seperti tidur dan bangun lewat, melepak dan berpelesenan sehingga awal pagi, menjelajahi tempat-tempat hiburan yang kurang sihat hingga terdedah kepada kegiatan-kegiatan tidak bermoral, dadah dan jenayah. Cuti sekolah jangan menjadi punca anak-anak hilang minat belajar dan selepas ini malas ke sekolah. Anak-anak harus dijadualkan dengan kegiatan-kegiatan yang membuatkan mereka merasa rindu untuk mahu cepat kembali ke sekolah.

Kegiatan yang dirancang mestilah sentiasa mempunyai ciri mendidik. Kegiatan-kegiatan berikut boleh meningkatkan minat dan tidak memadamkan kecenderungan anak untuk belajar dan ke sekolah:

Pertama: Diadakan kegiatan-kegiatan yang melibatkan rakan-rakan sekolah datang ke rumah atau anak-anak berkunjung ke rumah rakan-rakan sekolah.

Kedua: Mengaturkan lawatan anak-anak ke pusat-pusat pengajian tinggi, ke muzium, ke pusat sains, ke pameran, dan membawa anak-anak ke perpustakaan dan ke kedai buku.

Ketiga: Melanggan akhbar, majalah dan bahan bacaan dan menjanjikan hadiah kepada anak-anak jika mereka berjaya menjawab soalan kuiz atau menduga akal yang ditanya secara santai pada malam hari atau sambil memandu semasa anak-anak bersama dalam kenderaan.

Keempat: Membawa anak-anak menonton filem atau memperkenalkan mereka dengan rancangan televisyen yang dapat membantu meluaskan pengetahuan.

Anak-anak juga hendaklah diperkenalkan dan dididik dengan tanggungjawab terhadap rumah seperti membersihkan rumah, peralatan rumah, laman, kenderaan dan sebagainya dengan memberikan imbuhan. Juga semasa cuti anak-anak dibimbing mengenali tugas-tugas ringan seperti membersihkan barang dari pasar, menanak nasi,



menyediakan minuman, menghidangkan makanan, membasuh pakaian ringan atau pakaian dalam, menyidai dan melipat kain dan sebagainya.

Di samping itu, masa lapang anak-anak sebaiknya digunakan untuk memperkukuhkan anak-anak dengan perkara berikut:

Pertama: pengisian rohani dan keagamaan, membudayakan anak-anak solat berjemaah; mendengar, menyemak dan membetulkan bacaan al-Quran anak-anak melalui kelas yang diadakan di rumah, surau atau masjid; menjinakkan anak-anak untuk memahami dan menyelami hikmah-hikmah yang terkandung dalam al-Quran, juga memperkenalkan anak-anak kepada amalan-amalan sunat yang digalakkan.

Kedua: melakukan pemeriksaan kesihatan anak-anak, merangkumi kesihatan gigi, berat badan, kandungan gula dan mendorong anak-anak untuk berdisiplin ketika makan, beriadah, menyertai latihan jasmani atau mempelajari seni mempertahankan diri secara berkumpulan.

Ketiga: menyerapkan pengertian silaturahim dengan membawa anak-anak menziarahi ahli-ahli keluarga, terutama ahli keluarga yang lebih tua, seperti datuk nenek, bapa dan ibu saudara.

Keempat: menyemaikan rasa kesyukuran dan keinsafan anak-anak dengan mengunjungi rumah orang tua, rumah anak yatim, dan orang miskin, sambil menghulurkan sumbangan dan pertolongan.

Kelima: mendorong anak-anak melakukan kerja-kerja amal dan kemasyarakatan dengan kegiatan berkumpulan atau bergotong royong membersihkan kawasan rekreasi, kawasan di persekitaran taman perumahan, kawasan sekolah, masjid dan surau.

Ketika mendidik dan mengasuh anak-anak, ibu bapa hendaklah menjadi sebaik contoh teladan. Bimbinglah anak-anak dengan ihsan dan belaian kasih sayang. Belajar menjadi pendengar yang sabar untuk memahami keperluan mereka. Ibu bapa hendaklah meletakkan diri mereka sebagai insan yang paling dipercayai oleh anak-anak.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَآلِفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ
الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami dalam urusan mendidik dan mengasuh anak-anak; jadikan mereka penyejuk mata bagi kami dan asbab kami dipermudahkan jalan ke syurga Mu. Lindungi anak-anak kami daripada terpengaruh dengan godaan Iblis dan syaitan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin